

**KONSEP AKINNAH AL-QALB WA ‘ILĀJUHĀ
MENURUT AL-QURAN DALAM
PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

ABDUL KAMIL BIN JAMALUDIN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

**KONSEP AKINNAH AL-QALB WA ‘ILĀJUHĀ
MENURUT AL-QURAN DALAM
PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

oleh

ABDUL KAMIL BIN JAMALUDIN

Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah

September 2021

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, Segala puji dan syukur penulis panjatkan ke hadrat Allah S.W.T yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang kerana dengan rahmat, inayah dan hidayah daripadaNya, akhirnya tesis ini dapat disempurnakan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W yang amat dikasihi. Penulis ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia tesis ini, Yang Berbahagia Profesor Dr. Noor Shakirah binti Mat Akhir yang begitu komited membimbing dan memberikan pandangan yang bernalas kepada penulis dalam menyiapkan tesis ini. Doa dan harapan semoga Allah S.W.T memberikan ganjaran yang berlipat ganda di atas segala jasa baik Yang Berbahagia Profesor kepada penulis. Jutaan terima kasih juga turut didedikasikan kepada pihak Pentadbiran Universiti Sains Malaysia, khasnya kepada Mantan Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr Narimah binti Samat, Yang Berbahagia Pemangku Dekan Profesor Madya Dr Jasni bin Sulong dan pensyarah-pensyarah di Bahagian Pengajian Islam yang mencerahkan pengalaman dan ilmu mereka kepada penulis. Mudah-mudahan Allah memuliakan mereka dengan ganjaran yang berlipat ganda. Seterusnya jutaan terima kasih diucapkan kepada Pihak Universiti Malaysia Pahang dan Kementerian Pengajian Tinggi kerana memberikan tajaan di bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan cuti belajar bagi menjayakan kajian ini. Seterusnya terima kasih juga diucapkan buat Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP) atas sokongan dan bantuan yang disalurkan. Begitu juga ucapan terima kasih diucapkan kepada pihak pengurusan dan kakitangan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusian, Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang,

Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa dan Perpustakaan Kolej Universiti Islam Sultan Ahmad Shah di atas kerjasama dan bantuan sewaktu pengkaji mengumpulkan data dan maklumat yang diperlukan. Penghargaan khas ditujukan kepada kedua ayahanda dan bonda, Haji Jamaludin bin Harun dan Hajah Dayang binti Aripin, berkat doa dan kegigihan ayahanda dan bonda berdua memberikan pendidikan menjadikan ianya kenangan abadi di dunia dan akhirat. Setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih juga buat isteri tercinta Maznah binti Haji Sarkam yang sentiasa berada di sisi memberikan semangat, dorongan dan sokongan bagi menyempurnakan dan merealisasikan penulisan ini. Begitu juga yang disayangi anakanda penyejuk mata, Aisyah Hanan dan seisi keluarga Kuantan dan Melaka yang turut mendoakan. Akhir kata dengan penuh rasa kerendahan diri, penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang turut menyumbang bagi menyiapkan kerja yang tidak seumpamanya ini.

**ABDUL KAMIL BIN HAJI
JAMALUDIN**

**BAHAGIAN PENGAJIAN ISLAM
PUSAT PENGAJIAN ILMU
KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PULAU PINANG**

TEL: +6 012 2963721
E-mel: koihanan@gmail.com

**PUSAT SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
GAMBANG KUANTAN**

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL.....	ix
SENARAI RAJAH.....	xi
SENARAI SINGKATAN KATA	xii
TRANSLITERASI	xiii
SENARAI LAMPIRAN.....	xvi
ABSTRAK	xvii
ABSTRACT	xix
BAB 1 PENDAHULUAN.....	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Pernyataan Masalah.....	2
1.3 Objektif Kajian.....	9
1.4 Persoalan Kajian.....	10
1.5 Definisi Operasional.....	10
1.6 Sorotan Kajian Terdahulu	17
1.7 Skop Kajian dan Batasan Kajian.....	32
1.7.1 Batasan Subjek Kajian.....	35
1.7.2 Batasan Faktor Analisis.....	35
1.8 Kepentingan Kajian.....	36
1.9 Metodologi Kajian.....	37
1.9.1 Metodologi Pengumpulan Data	38
1.9.1(a) Kajian Kepustakaan	38
1.9.1(b) Kaedah Tafsir <i>al-Mawdū’ī</i>	39

1.9.1(c) Bukti Dokumen	43
1.9.2 Metode Analisis Data	43
1.9.2(a) Metode Deskriptif (تصویری)	43
1.9.2(b) Metode Induktif (استقرائی)	44
1.9.2(c) Metode Deduktif (استنتاجی)	44
1.10 Penutup.....	44
BAB 2 PEMBANGUNAN MODAL INSAN MENURUT PERSPEKTIF SARJANA ISLAM.....	45
2.1 Pengenalan	45
2.2 Definisi Pembangunan Modal Insan	45
2.3 Pembangunan Modal Insan dari Perspektif Sarjana Islam	50
2.3.1 Ibn Miskawaiyah (m.421H)	50
2.3.1(a) Biografi	51
2.3.1(b) Pemikiran Ibn Miskawaiyah Berkaitan Pembangunan Manusia	55
2.3.1(b)(i) Fakulti Dalaman Manusia.....	56
2.3.1(b)(ii) Kaedah Pembangunan Dalaman Manusia.....	58
2.3.1(b)(iii) Insan Berjaya menurut Ibn Miskawaiyah	60
2.3.1(b)(iv) Faktor Penghalang Kejayaan	63
2.3.2 Al-Ghazālī (m.505H).....	66
2.3.2(a) Biografi	67
2.3.2(b) Pemikiran Al-Ghazālī berkaitan Pembangunan Manusia	70
2.3.2(b)(i) Pembangunan Aspek Dalaman Manusia menurut Al-Ghazālī.....	71
2.3.2(b)(i)(1) Konsep Jiwa (<i>al-Nafs</i>):.....	71
2.3.2(b)(i)(2) Konsep Roh (<i>al-Rūh</i>)	73
2.3.2(b)(i)(3) Konsep <i>Qalb</i> (<i>al-Qalb</i>).....	73
2.3.2(b)(i)(4) Konsep Akal (<i>al-‘Aql</i>).....	74

2.3.2(b)(ii) Kaedah Pembangunan Dalaman.....	74
2.3.2(b)(iii) Insan Berjaya menurut Al-Ghazālī.....	77
2.3.2(b)(iv) Faktor-Faktor Penghalang Kejayaan	79
2.4 Kesimpulan.....	81
BAB 3 KONSEP AKINNAH AL-QALB MENURUT AL-QURAN.....	82
3.1 Pengenalan	82
3.2 Definisi Konsep <i>Akinnah Al-Qalb</i>	85
3.2.1 Definisi daripada Segi Bahasa.....	86
3.2.2 Definisi <i>Akinnah al-Qalb</i> dalam Kajian	86
3.3 Tafsiran Ulama Muktabar terhadap Ayat-ayat Al-Quran berkaitan Konsep <i>Akinnah Al-Qalb</i>	87
3.3.1 <i>Akinnah</i>	87
3.3.2 <i>Khatm</i>	97
3.3.3 <i>Marad</i>	106
3.3.4 <i>Qaswah</i>	114
3.3.5 <i>Rān</i>	123
3.3.6 <i>Ghulf</i>	128
3.3.7 <i>'Amā</i>	133
3.3.8 <i>Aqfāl</i>	138
3.3.9 <i>Taba'</i>	140
3.3.10 <i>Zaygh</i>	146
3.3.11 <i>Athīm</i>	159
3.3.12 <i>Maghmūr</i>	163
3.3.13 <i>Munkir</i>	166
3.3.14 <i>Ishmi 'zāz</i>	168
3.3.15 <i>Murtāb</i>	171

3.3.16 <i>Għafil</i>	174
3.3.17 <i>Ibā'</i>	176
3.3.18 <i>Għill</i>	178
3.3.19 <i>Għaliz</i>	181
3.3.20 <i>Shattā</i>	186
3.4 Kesimpulan.....	188
BAB 4 KONSEP ‘ILĀJ AKINNAH AL-QALB MENURUT AL-QUR’ĀN	196
4.1 Pengenalan	196
4.2 Pengertian ‘Ilāj Akinnah al-Qalb	196
4.2.1 Konsep ‘Ilāj Akinnah al-Qalb menurut al-Quran.....	197
4.2.1(a) <i>Shifā'</i>	197
4.2.1(b) <i>Tathir</i>	214
4.2.1(c) <i>Tazkiyah</i>	227
4.3 Ciri-ciri <i>qalb</i> bersih dan sihat.....	236
4.3.1 <i>Al-Qalb al-Salīm</i>	237
4.3.2 <i>Al-Qalb al-Muṭmain</i>	242
4.3.3 <i>Al-Qalb al-Laiyyin</i>	246
4.3.4 <i>Al-Qalb al-Mukhbit</i>	249
4.3.5 <i>Al-Qalb al-Munīb</i>	251
4.3.6 <i>Al-Qalb al-Khāsyi'</i>	253
4.3.7 <i>Al-Qalb al-Taqiyy</i>	256
4.3.8 <i>Al-Qalb al-Wajil</i>	258
4.4 Kesimpulan.....	262
BAB 5 RUMUSAN DAN CADANGAN	264
5.1 Pendahuluan	264
5.2 Rumusan.....	264

5.2.1	Objektif 1: Mengkaji konsep-konsep asas pembangunan modal insan menurut perspektif sarjana Islam.....	264
5.2.2	Objektif 2: Menganalisis konsep <i>akinnah al-qalb</i> menurut al-Quran berdasarkan pandangan <i>Mufassirin</i>	269
5.2.3	Objektif 3: Menganalisis konsep ‘ <i>ilāj akinnah al-qalb</i> menurut al-Quran dan sarjana Islam.	273
5.2.4	Objektif 4: Membina rangka konsep <i>akinnah al-qalb</i> dan konsep ‘ <i>ilājnya</i> menurut al-Quran	277
5.3	Cadangan	279
5.3.1	Individu dengan Menekankan Pendidikan <i>Qalb</i>	279
	5.3.1(a) Membuang halangan pada <i>qalb</i> insan perlu didahulukan ...	279
	5.3.1(b) Menghiasi <i>qalb</i> dengan ketakwaan.....	280
5.3.2	Masyarakat	281
	5.3.2(a) Pembelajaran ilmu berkaitan pendidikan <i>qalb</i> di masjid dan surau	281
	5.3.2(b) Penganjuran program yang membangunkan <i>qalb</i> oleh badan berkuasa dalam masyarakat	282
5.3.3	Kerajaan.....	283
	5.3.3(a) Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi ..	283
	
	5.3.3(b) Institusi Pendidikan.....	284
	5.3.3(c) Peranan Media Sosial dan Media Massa.....	284
5.4	Sumbangan Kajian	285
5.5	Cadangan Kajian Pada Masa Hadapan.....	286
5.6	Penutup.....	287
Bibliografi	288

LAMPIRAN

SENARAI PENERBITAN

SENARAI JADUAL

Mukasurat

Jadual 1.1	Statistik Jenayah Indeks bagi tahun 2012-2014 di Negeri Pahang	5
Jadual 3.1	Senarai Taburan Ayat-Ayat Al-Quran berkaitan <i>Akinnah</i>	87
Jadual 3.2	Senarai Taburan Ayat-Ayat Al-Quran berkaitan <i>Khatm</i>	98
Jadual 3.3	Senarai Taburan Ayat-Ayat Al-Quran berkaitan <i>Marad</i>	107
Jadual 3.4	Senarai Taburan Ayat-Ayat Al-Quran berkaitan <i>Qaswah</i>	114
Jadual 3.5	Senarai Taburan Ayat-Ayat Al-Quran berkaitan <i>Rān</i>	123
Jadual 3.6	Senarai Taburan Ayat-Ayat Al-Quran berkaitan <i>Ghulf</i>	128
Jadual 3.7	Senarai Taburan Ayat Al-Quran berkaitan ' <i>Amā</i>	134
Jadual 3.8	Senarai Taburan Ayat Al-Quran berkaitan <i>Aqfāl</i>	138
Jadual 3.9	Senarai Taburan Ayat-Ayat Al-Quran berkaitan <i>Taba'</i>	141
Jadual 3.10	Senarai Taburan Ayat-Ayat Al-Quran berkaitan <i>Zaygh</i>	147
Jadual 3.11	Senarai Taburan Ayat Al-Quran berkaitan <i>Āthim</i>	159
Jadual 3.12	Senarai Taburan Ayat Al-Quran berkaitan <i>Maghmūr</i>	164
Jadual 3.13	Senarai Taburan Ayat Al-Quran berkaitan <i>Munkir</i>	167
Jadual 3.14	Senarai Taburan Ayat Al-Quran berkaitan <i>Ishmi'zāz</i>	169
Jadual 3.15	Senarai Taburan Ayat Al-Quran berkaitan <i>Murtāb</i>	172
Jadual 3.16	Senarai Taburan Ayat Al-Quran berkaitan <i>Ghāfil</i>	174
Jadual 3.17	Senarai Taburan Ayat Al-Quran berkaitan <i>Ibā'</i>	177

Jadual 3.18	Senarai Taburan Ayat Al-Quran berkaitan <i>Ghill</i>	179
Jadual 3.19	Senarai Taburan Ayat Al-Quran berkaitan <i>Ghalīz</i>	183
Jadual 3.20	Senarai Taburan Ayat Al-Quran berkaitan <i>Shattā</i>	186
Jadual 3.21	Makna dan Ciri Tema <i>Akinnah al-Qalb</i>	190
Jadual 4.1	Senarai Taburan Ayat-Ayat Al-Quran berkaitan <i>Shifā'</i>	199
Jadual 4.2	Senarai Taburan Ayat-Ayat Al-Quran berkaitan <i>Tathīr</i>	215
Jadual 4.3	Senarai Taburan Ayat-Ayat Al-Quran berkaitan <i>Tazkiyah</i>	228

SENARAI RAJAH

Mukasurat

Rajah 2.1	<i>Al-Sa'ādah</i> menurut Ibn Miskawaiyh	62
Rajah 2.2	<i>Al-Sa'ādah</i> menurut al-Ghazālī.....	79
Rajah 3.1	Tema Konsep <i>Akinnah</i>	195
Rajah 4.1	Tema Konsep ' <i>Ilāj Akinnah al-Qalb</i>	236
Rajah 4.2	Sifat-Sifat <i>Qalb</i> Bersih dan Sihat.....	262

SENARAI SINGKATAN KATA

AS	<i>'Alaihi al-Salām</i>
Dr.	Doktor
Ed.	Edit
H	Hijriyah
H No:	Hadīth Nombor:
h.	Halaman
Ibid.	<i>Ibidem</i> , rujukan pada tempat yang sama
Jil.	Jilid
Juz.	Juzuk
M.	Masihi/Miladiyah
m.	Meninggal dunia
RA	<i>Rađiya Allah 'anhu</i>
S.A.W	<i>Šallallah 'alaih wa Sallam</i>
S.W.T	<i>Subhanhu wa Ta'ālā</i>
t.t	Tanpa tahun
UMP	Universiti Malaysia Pahang

TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan dalam tesis ini adalah berdasarkan sistem ejaan baru Bahasa Melayu.¹ Manakala perkataan – perkataan Arab dieja berdasarkan sistem transliterasi seperti berikut:

1. KONSONAN

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
أ	a	سَأْلٌ	sa’ala
ب	b	بَدْلٌ	badala
ت	t	تَمْرٌ	tamr
ث	th	ثَرْوَةٌ	thawrah
ج	j	جَمَالٌ	jamāl
ح	h	حَدِيثٌ	hadīth
خ	kh	خَالِدٌ	khālid
د	d	دِيْوَانٌ	dīwān
ذ	dh	مَذْهَبٌ	madhhab
ر	r	رَحْمَنٌ	Rahmān
ز	z	زَمْزَمٌ	Zamzam

¹ **Kamus Dewan Edisi ketiga**, ketua Editor Hajah Noresah bt Baharom, B.Sc (UM), M.A (Birmingham), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1996.

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Latin	Contoh Transliterasi
س	s	سراب	sarāb
ش	sy	شمس	syams
ص	ṣ	صبر	ṣabr
ض	ḍ	ضمير	ḍamīr
ط	ṭ	ظاهر	ṭāhir
ظ	ẓ	ظهر	ẓuhr
ع	‘	عبد	‘abd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qādī
ك	k	كأس	ka’s
ل	l	لبن	laban
م	m	مizar	mizmār
ن	n	نوم	nawm
و	w	وصل	waṣl
هـ	h	هبط	habaṭa
يـ	y	يسار	yasār

2. VOKAL

1. Vokal Pendek

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
_____	a	فعل	fa‘ala
_____	i	حسب	ḥasiba
_____	u	كتب	kutiba

2. Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ي / ا	a	كاتب و قضى	kātib , qadā
ي	i	كريم	karīm
و	u	حروف	ḥurūf

3. Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
و	aw	قول	qawl
ي	ay	سيف	sayf
ي	ī	رجعي	raj‘ī atau raj‘iyy
و	uww	عدو	‘aduww atau ‘adū

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A Statistik Jenayah Indeks bagi tahun 2012-2014 di Negeri Pahang

KONSEP AKINNAH AL-QALB WA ‘ILĀJUHĀ MENURUT AL-QURAN

DALAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

ABSTRAK

Pembangunan modal insan adalah usaha berterusan yang menentukan jatuh bangun dan kelangsungan satu tamadun. Oleh itu, insan yang ingin dibangunkan perlu dilihat dari aspek jasmani dan rohani. Menurut Islam, *qalb* merupakan komponen rohani yang menjadi asas utama kemenjadian insan. Kejayaan seseorang menyucikan *qalb* daripada unsur-unsur yang negatif bakal mewujudkan personaliti insan terpuji, keluarga bahagia, masyarakat sejahtera dan negara yang berdaya saing. Sebaliknya *qalb* insan yang terhalang daripada dibangunkan akan mengundang suasana yang celaru dan tidak kondusif dalam kehidupan. Dalam kajian ini, ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan halangan pada *qalb* insan dan rawatannya dikenal pasti. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji konsep-konsep asas pembangunan modal insan menurut perspektif sarjana Islam. Seterusnya, kajian ini bertujuan menganalisis konsep *akinnah al-qalb* menurut al-Quran berdasarkan pandangan *mufassirīn*. Selanjutnya, kajian ini menganalisis konsep ‘*ilāj akinnah al-qalb* menurut al-Quran dan *mufassirīn*. Objektif terakhir bagi kajian ini adalah untuk membina kerangka konsep *akinnah al-qalb* dan konsep ‘*ilājnya* menurut al-Quran. Kajian ini bersifat kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan serta diaplikasikan kaedah tafsir *al-Mawdū’ī li al-Mawdū’ al-Qur’ānī*. Hasilnya, terdapat 20 tema telah dikenal pasti daripada ayat-ayat al-Quran berkaitan konsep *akinnah al-qalb* sementara tiga tema iaitu *shifā’*, *tathīr* dan *tazkiyah* ditemui daripada ayat-ayat al-Quran berkaitan konsep ‘*ilājnya*. Seterusnya, analisis data mengaplikasikan

kaedah deskriptif, induktif dan deduktif berdasarkan tiga kitab tafsir utama iaitu *Tafsīr Ibn Kathīr*, *Tafsīr Mafātīh al-Ghayb* dan *Tafsīr al-Munīr* serta juga beberapa kitab tafsir yang lain. Melalui proses ‘ilāj pada *qalb* seseorang, kajian juga telah mengenal pasti lapan ciri *qalb* yang bersih dan sihat menurut al-Quran.

THE QURANIC CONCEPT OF AKINNAH AL-QALB WA 'ILĀJUHĀ IN HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT

ABSTRACT

Human capital development is a continuous effort that determines the survival of a civilization and its sustainability. Thus, the human development desired must consider the physical and spiritual aspects. Islam views *qalb* is the spiritual component that serves as the fundamental of the process of becoming human. One's triumph over the negative elements in enlivening and purifying one's heart results in the development of good personality, happy family, harmonious society and competent nation. Contrarily, a hindered human *qalb* from development invites chaos that are not conducive to peaceful life. This research identified Quranic verses related to the hindrance of the human *qalb* and its treatment. Its main objective was to explore the fundamental concepts of human capital development as viewed by Muslim scholars. Additionally, this study examined the concept of *akinnah al-qalb* from Quranic perspectives as has been explained by *mufassirīn*. Furthermore, the study also investigated the '*ilāj akinnah al-qalb*' concept through the lens of the Quran and *mufassirīn*. Finally, the study sought to develop a conceptual framework of the Quranic *akinnah al-qalb* and its '*ilāj*'. As this study is qualitative in nature, the research design employed was content analysis methodology together with *al-Mawdū 't Li al-Mawdū' al-Qur'ānī* exegesis method. Results showed that 20 themes emerged from the Quranic verses related to *akinnah al-qalb* while three themes were discovered from the verses pertaining to its '*ilāj*', namely *shifā'*, *tathīr* and *tazkiyah*.

This was followed by analysis of data by means of descriptive, inductive and deductive methods based on three major Quranic exegesis books, namely, *Tafsīr Ibn Kathīr*, *Tafsīr Mafātīh al-Ghayb* and *Tafsīr al-Munīr* as well as other books. Following the process of ‘ilāj to a human *qalb*, eight characteristics of the purified *qalb* from Quranic perspective were uncovered.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Matlamat utama kajian ini ialah untuk mengkaji konsep *akinnah al-qalb* dan *'ilājnya* dalam al-Quran dan membangunkan rangka konsep ini ke dalam pembangunan modal insan.

Pemilihan kajian terhadap konsep *akinnah al-qalb wa 'ilājuhā* menurut al-Quran dalam pembangunan modal insan, difikirkan dapat memberikan panduan dalam usaha meningkatkan potensi insan. Secara umumnya, kajian ini adalah berkaitan dengan konsep halangan pada *qalb* insan dan konsep rawatannya menurut saranan al-Quran. Menurut perspektif al-Quran, bagi membangunkan modal insan fokus utama terletak pada *qalb* yang terdapat pada insan. Justeru Allah S.W.T memberikan gambaran yang jelas akan kepentingan penjagaan *qalb* insan menerusi firmanNya dalam Surah al-Shams, ayat 9-10;

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكِّهَا وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّهَا

Sesungguhnya berjayaalah orang yang menjadikan dirinya- yang sedia bersih- bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan), Dan sesungguhnya hampalah dirinya- yang sedia bersih- itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran ma'siat)

Jelas daripada firman Allah S.W.T ini, kejayaan dan kegagalan seseorang insan itu diukur pada *qalbnya*. Oleh itu, kajian konsep *akinnah al-qalb wa 'ilājuhā* dikaji berdasarkan perspektif kegagalan insan itu apabila kekotoran terdapat pada *qalb*

yang menghalang dari dibangunkan dan *qalb* pula perlu dirawat dengan sebaiknya menurut saranan al-Quran.

1.2 Pernyataan Masalah

Pembangunan modal insan adalah suatu agenda yang perlu menjadi keutamaan kerana ia adalah asas kepada kelestarian, kecemerlangan dan kegemilangan tamadun. Ia adalah fenomena semasa, kerana setiap orang yang peka, komited dan inginkan kecemerlangan berusaha untuk membangunkan dirinya supaya menjadi lebih berilmu pengetahuan, lebih berketrampilan dan lebih berkesan menangani masalah hidup.¹ Antara kaedah untuk membangunkan modal insan ialah melalui pendidikan. Menerusi pendidikanlah individu dibangunkan dari pelbagai aspek seperti jasmani, emosi dan rohani. Justeru itu, hala tuju pendidikan Negara jelas berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menyatakan bahawa,

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan

¹ Abdul Rahman Aziz (2001) *Motivasi dan Pembangunan Diri*. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, h.13.

diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara.²

Sehubungan dengan itu, bagi melahirkan modal insan yang seimbang, harmonis, memiliki pengetahuan dan berketrampilan dengan dihiasi akhlak yang mulia, pihak yang terlibat telah memberi penekanan daripada aspek kesepaduan dan menyeluruh dalam menyusun kurikulum dan aktiviti kokurikulum. Pada tahun 2006, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mula memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan berkualiti tinggi dan bersahsiah murni dengan menghasilkan Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah untuk semua institusi pengajian tinggi di Malaysia. Objektif utama penghasilan modul ini untuk menerapkan kemahiran Insaniah (KI) dalam kalangan graduan. Tujuh elemen diinterpretasikan dan diterapkan untuk memastikan keseimbangan graduan dalam menghadapi arus pembangunan Negara, seperti kemahiran komunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral professional dan kemahiran kepimpinan.³ Ringkasnya, penerapan Kemahiran Insaniah dalam kalangan pelajar-pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi adalah untuk melahirkan tenaga mahir manusia yang dilengkapkan dengan jati diri tinggi, penuh dengan sifat-sifat jujur, amanah dan berwawasan.

Kegawatan personaliti individu yang tidak dipandu dengan nilai-nilai murni membawa kepada pemunggiran nilai-nilai sejagat. Kepelbagaiannya masalah dan konflik

² Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) *Dasar Pendidikan Kebangsaan*, h.iii.

³ Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (SOFT SKILLS) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*, Serdang: Universiti Putra Malaysia, h.8.

mewarnai institusi keluarga, masyarakat dan Negara. Jenayah berleluasa dan aktiviti sosial yang keterlaluan seperti hiburan yang melampaui batas telah meruntuhkan dan menghakis nilai-nilai akhlak pada masa kini. Di Malaysia contohnya, keruntuhan nilai-nilai akhlak mulia dan nilai-nilai kemanusiaan telah menyumbang kepada salah laku dan jenayah yang serius. Kadar peningkatan krisis akhlak dan moral golongan remaja di negara ini semakin membimbangkan. Berdasarkan statistik dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 7,816 kes dicatatkan pada 2013 berbanding hanya 3,700 kes pada 2012 iaitu membabitkan peningkatan sebanyak 4,116 kes. Malah, angka kegiatan jenayah berat golongan remaja yang tamat persekolahan pula mencatatkan peningkatan ketara sehingga 137 peratus kepada 2,011 kes pada tahun 2013 berbanding hanya 849 kes dicatatkan pada 2012. Kategori jenayah berat ini turut dikaitkan dengan remaja bawah umur berusia antara 12 hingga 17 tahun. Angka direkodkan turut meningkat kira-kira 47 peratus di seluruh negara dan ada daripada mereka terlibat dengan kes bunuh dan juga rogol.⁴

Statistik Jenayah Malaysia 2020 dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) memaparkan enam statistik jenayah terpilih iaitu jenayah indeks, dadah, rasuah, alam sekitar, jenayah maritim dan pemulihan. Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Sri Dr Mohd Uzir Mahidin, nisbah jenayah indeks bagi setiap 100,00 penduduk di Malaysia pada 2019 bertambah baik iaitu 256.6 berbanding 273.5 pada 2018. Namun begitu, beliau menyatakan pada tahun 2019, tangkapan bagi kesalahan memberi rasuah meningkat 79.0 peratus berbanding tahun

⁴ Suhada Mansor dalam Harian Metro bertarikh 11 Mac 2015, *Statistik Moral Remaja Kita*, (<http://www.hmetro.com.my/node/36116#sthash.Al8fTXQo.dpuf> diakses pada 2 September 2015).

sebelumnya.⁵ Dapatan berkaitan jenayah rasuah yang meningkat ini membimbangkan. Begitu juga, kajian juga mendapati laporan statistik jenayah Malaysia 2020 menunjukkan jenayah rogol dan mencederakan mencatatkan peningkatan sebanyak 5.5 dan 2.9 peratus pada 2019 berbanding tahun sebelumnya.⁶

Jadual 1.1: Statistik Jenayah Indeks bagi tahun 2012-2014 di Negeri Pahang

Jenayah indeks	2012	2013	2014
Jenayah kekerasan			
Bunuh	20	21	25
Rogol	215	194	150
Cabul kehormatan	93	95	82
Samun berkawan bersenjata api	6	3	10
Samun berkawan tanpa senjata api	286	294	274
Samun bersenjata api	0	0	1
Samun tanpa senjata api	57	57	47
Pemerasan	33	28	35
Ugutan jenayah	203	180	259
Merusuhan	46	38	51
Mencederakan (s.324-326 kk)	253	222	243
Jumlah	1,212	1,132	1,177
Jenayah harta benda			
Curi	989	802	969
Curi lori/van	266	275	177
Curi motokar	204	232	233
Curi motosikal	2,169	2,213	2,111
Curi ragut	65	43	64

⁵.Latifah Arifin dalam Berita Harian bertarikh 20 November 2020 , *Jenayah rogol mencederakan meningkat pada 2019.*(<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/756298/jenayah-rogol-mencederakan-meningkat-pada-2019> dicapai pada 17 Januari 2021 9:25 PM

⁶Ibid.

Pecah rumah siang	265	186	158
Pecah rumah malam	795	734	638
Jumlah	4,753	4,485	4,350
Jumlah jenayah indeks	5,965	5,617	5,527

Sumber: Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Kuantan, Pahang Darul

Makmur.

Jadual 1.1 memperlihatkan tiada penurunan yang signifikan untuk kadar jenayah indeks di Negeri Pahang dari tahun 2012 hingga 2014. Ini menunjukkan jenayah masih lagi terus berleluasa. Senario ini begitu membimbangkan kepada semua pihak. Tambahan pula, jika kes jenayah begini melibatkan golongan kolar putih atau profesional yang mana mereka menjalankan operasi kewangan, undang-undang, pentadbir, penggubal polisi dan sebagainya yang berisiko untuk menyalah guna kuasa dan menerima rasuah. Begitu juga, dapatan kajian lain yang berkaitan bekas penuntut di pengajian tinggi menunjukkan kecenderungan bersikap toleran terhadap tingkah laku devian di tempat kerja.⁷ Apabila kes ini berlaku, sudah tentu modal insan dan anak bangsa sendiri yang akan menanggung kerugian. Oleh sebab itu, aspek modal manusia seperti sikap, sahsiah dan nilai menjadi semakin penting untuk dikaji berikutan berlakunya jenayah-jenayah yang sangat serius. Sejajar dengan permasalahan di atas, tanggungjawab universiti sebagai institusi pengajian tinggi untuk membina modal insan semakin luas. Ini untuk memastikan graduan yang dilahirkan mencapai modal insan kelas pertama dengan pembentukan akhlak dan moral yang tinggi. Kemahiran Insaniah untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia

⁷ Sabitha Marican, dalam Ruziat Mior Ahmad Ariffin et al. ed (2008). *Misbehaviors at Present and Future Workplace: Issues and Challengers For Public Sector Management*, Jurnal Psikologi Perkhidmatan Awam Malaysia, Bil 3 Jun 2008, h.111.

telah dilancarkan pada 22 Ogos 2006 oleh Y.B Menteri Pengajian Tinggi Malaysia bertujuan bagi melahirkan modal insan berkualiti, berketrampilan dan mampu berdaya saing hingga ke peringkat antarabangsa. Inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi menggubal dan melaksanakan modul kemahiran insaniah dalam menerapkan nilai-nilai kemahiran insaniah terhadap mahasiswa pengajian tinggi kena dan tepat pada masanya, kerana ia memberi satu dimensi baharu untuk menghasilkan graduan yang terbaik yang bukan sahaja berdaya saing bahkan juga dilengkapi dengan nilai-nilai moral dan beretika tinggi.⁸

Peningkatan gejala sosial, keruntuhan akhlak dan perlakuan jenayah merencatkan usaha untuk membangunkan modal insan. Semua perlakuan negatif dilakukan oleh insan ini memerlukan pengembelingan tindakan untuk penamaikan kepada diri insan. Bagi mengatasi masalah ini, insan memerlukan panduan yang tuntas dengan berpegang teguh kepada al-Quran dan Sunnah dalam kehidupan. Justeru kewajipan untuk merujuk kepada keduanya adalah suatu perkara yang sudah termaklum dalam agama.⁹ Oleh itu, penerokaan kepada al-Quran sebagai sumber utama bagi menyembuhkan diri insan samada fizikal dan rohani perlu diutamakan. Ini dinyatakan oleh Allah S.W.T dalam Surah Al-Isrā' ayat 82, firmanNya:

وَنُزِّلَ مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شَفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَرِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا حَسَارًا

⁸Mohd Zahedi Daud (2005). *Meningkatkan Integriti Dalam Bidang Akademik, dalam Pelan Integriti Nasional Strategi Pelaksanaan Peringkat Institusi Pengajian Tinggi*, ed. Mohd Zahedi Daud, Shah Alam: Universiti Teknologi Mara, h.54.

⁹ Muhammad ibn ‘Abd al-Baqī (2003) *Syarh al-Zarqani ‘ala Muwattā’ Imam Malik*. Juz. 2 h. 367.

Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al-Qur'an ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) al-Qur'an tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian juga.

Begitu juga dalam Surah Yunus ayat 57, firman Allah S.W.T:

يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُم مَّوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَشَفَاءٌ لِّمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ

Wahai umat manusia! Sesunggugnya telah datang kepada kamu al-Qur'an yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu, dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada dalam dada kamu, dan juga menjadi hidayah pertunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman

Seterusnya, Ibn Taimiyah menjelaskan al-Quran berperanan menyembuhkan *qalb* insan yang bermasalah seperti sakit dan mati. Kesan kesembuhan *qalb* insan melalui al-Quran turut juga menyihatkhan jasad.¹⁰ Oleh kerana itu, Dr. Wahbah al-Zuhaylī menegaskan al-Quran bukanlah kitab yang hanya untuk mendapat keberkatan, dibaca dalam upacara kematian dan bahan bacaan harian semata-mata. Bahkan al-Quran adalah sebagai peraturan bagi sesuatu amalan, rujukan yang sahih dan tatacara bagi aqidah, syariat serta akhlak insan.¹¹ Berdasarkan fungsi al-Quran ini, menjadi satu kewajipan bagi umat Islam untuk merenung dan mengkaji al-Quran. Allah S.W.T dalam Surah al-Sād, ayat 29 berfirman:

كَتَبْ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَرَّكٌ لَّيَدَّبُرُواْ عَائِتِهِ وَلَيَتَذَكَّرَ أُولُوا الْأَلْبَابِ

¹⁰ Ibn Taymiyyah (1990) *Tibb al-Qulūb*. h. 18.

¹¹ Al-Zuhaylī, Wahbah (2013) *Al-Qur'ān al-Karīm Binyatuh al-Tasyri'iyyah wa Khaṣāiṣh al-Hadāriyyah*. h. 8.

(Al-Qur'an ini) sebuah Kitab yang kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), -Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat menganbil i'tibar.

Bertitik tolak daripada permasalahan kajian yang dinyatakan, pengkaji berhasrat untuk meneliti permasalahan di atas melalui penerokaan konsep *akinnah al-qalb wa 'ilājuhā* terhadap insan. Penganalisaan konsep *akinnah al-qalb wa 'ilājuhā* ini akan dapat membantu pemerkasaan diri insan sebagai modal dalam program intervensi bagi melahirkan modal insan yang berketrampilan. Keperluan untuk meneliti aspek ini juga dapat dikenalpasti daripada hasil temu bual pengkaji dengan Dr Fatmawati Ketua Jabatan Kemahiran Insaniah UMP. Beliau berpandangan pentingnya kepada keperluan penerapan konsep-konsep daripada al- Quran seperti *akinnah al-qalb wa 'ilājuhā* ke dalam program intervensi yang dijalankan di UMP dalam usaha untuk membangunkan mahasiswa sebagai modal insan yang berguna kepada negara pada masa hadapan.¹²

1.3 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini untuk menganalisis konsep *akinnah al-qalb wa 'ilājuhā* menurut al-Quran. Seterusnya objektif kajian ini juga adalah untuk membangunkan rangka konsep *akinnah al-qalb wa 'ilājuhā* bagi membangunkan modal insan.

Oleh itu objektif-objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengkaji konsep-konsep asas pembangunan modal insan menurut perspektif sarjana Islam.

¹² Temubual dengan Dr Fatmawati Latada di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan, UMP, Kuantan pada 29 Jun 2015, jam 10.30 pagi.

2. Menganalisis konsep *akinnah al-qalb* menurut al-Quran berdasarkan pandangan *mufassirin*.
3. Menganalisis konsep ‘ilāj akinnah al-qalb menurut al-Quran berdasarkan pandangan *mufassirin*.
4. Membina rangka konsep *akinnah al-qalb* dan konsep ‘ilājnya menurut al-Quran.

1.4 Persoalan Kajian

1. Apakah konsep-konsep asas pembangunan modal insan menurut perspektif sarjana Islam?
2. Adakah terdapat ayat-ayat al-Quran berkaitan dengan konsep *akinnah al-qalb wa ‘ilājuhā*?
3. Bagaimanakah huraian tafsir al-Quran klasik dan moden terhadap ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan konsep *akinnah al-qalb wa ‘ilājuhā*?
4. Apakah kerangka konsep *akinnah al-qalb wa ‘ilājuhā* yang perlu diterapkan dalam pembangunan modal insan?

1.5 Definisi Operasional

Tajuk kajian ini ialah; Konsep *Akinnah al-Qalb wa ‘Ilājuhā* menurut al-Quran dalam Pembangunan Modal Insan. Definisi istilah-istilah tajuk ini akan diterangkan oleh pengkaji secara ringkas untuk memberikan gambaran awal berkaitan dengan perkara yang dikaji.

Konsep : Konsep membawa maksud pengertian am atau idea yang mendasari sesuatu. Konsep pula dalam bahasa Inggeris berasal daripada perkataan Concept, “an idea or principle that is connected with something abstract”.¹³ Manakala dalam bahasa Arab perkataan konsep ialah *mafhūm* yang bermaksud gabungan sifat-sifat dan ciri-ciri yang menerangkan makna yang umum.¹⁴ Konsep dalam konteks kajian ini merujuk kepada konsep atau idea asas bersumberkan al-Quran.

Akinnah al-Qalb : *Akinnah Al-Qalb* ialah satu istilah daripada bahasa Arab iaitu أَكِنَّةُ الْقَلْبِ yang diambil daripada al-Quran.¹⁵ Oleh itu penelitian makna secara terperinci terhadap perkataan *akinnah* daripada segi bahasa adalah penting kerana ia akan membuka jalan kepada memahami maksud sebenar konsep yang dibincangkan dalam kajian ini.

Perkataan *akinnah* daripada bahasa Arab, kata kerjanya ialah (كَنَّ) ، kata terbitannya pula ialah (الْكَنَّةُ) ، (الْكَنْ) و (الْكَنَانُ). Ianya bermaksud menjaga dan melindungi sesuatu. Perkataan (الْكَنْ) bermaksud sesuatu bangunan atau tempat tinggal yang melindungi daripada sejuk dan panas seperti rumah. Jamak bagi perkataan ini ialah (أَكْنَانٌ) dan (أَكْنَّةٌ). Manakala perkataan (الْكَنَانُ) jamaknya juga (أَكْنَّةٌ) bermaksud (الْأَغْطِيَةُ) iaitu penutup yang terdapat pada *qalb* manusia.¹⁶

Konsep *akinnah* dalam kajian ini merujuk kepada halangan-halangan terhadap *qalb* berdasarkan ayat-ayat al-Quran. Manakala *al-Qalb* merupakan perkataan

¹³ Oxford Advanced Learner’s Dictionary (2010) Oxford University Press, Eight Edition,, h.309, entri concept.

¹⁴ *Jama’ah min Kubbar al-Lughawiyyin al-‘Arab, Mu’jam al-‘Arabī al-Asāsī*. h. 953.

¹⁵ Terdapat empat ayat al-Quran yang mempunyai perkataan Akinnah iaitu ayat 57 dalam surah al-Kahfi, ayat 46 dalam surah al-Isra’, ayat 5 dalam surah al-Fussilat dan ayat 25 dalam surah al-An‘am.

¹⁶ Ibn Manzūr (1994) *Lisān al-‘Arab*. Jil 13, h. 360.

bahasa Arab yang memberi maksud jantung. Walau bagaimanapun, perkataan ini sering diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia dalam dua bentuk iaitu bentuk fizikal (organ yang boleh berada di dalam dada seseorang yang boleh dirasakan degupannya dan boleh dilihat sekiranya dibedah dada tersebut) dan bentuk abstrak. *Qalb* yang fizikal ini disebut sebagai jantung manakala *qalb* yang berbentuk abstrak pula diterjemahkan sebagai hati. Persoalan *qalb* yang abstrak ini merupakan perkara penting dalam kehidupan manusia kerana ia adalah seperti raja kepada diri seseorang. Ia membuat keputusan sama ada seseorang itu hendak melakukan sesuatu ataupun sebaliknya. Begitulah juga ia memilih sama ada perbuatan itu baik dan terpuji ataupun perbuatan buruk dan dikeji.

Rasulullah S.A.W bersabda :

عَنْ عَامِرٍ قَالَ سَمِعْتُ النُّعْمَانَ بْنَ بَشِيرٍ يَقُولُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ
مُضْغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

*Sesungguhnya di dalam jasad manusia itu ada seketul daging. Jika daging itu baik maka baiklah seluruh jasad tetapi jika ia rosak, maka rosaklah juga jasad. Daging yang dimaksudkan itu ialah qalb.*¹⁷

Di samping itu, ibadah dan amalan seseorang akan dikira berdasarkan kepada niatnya dan niat itu pula tempatnya di *qalb*. Oleh itu, *Qalbun* dengan makna abstrak dalam konteks Bahasa Malaysia sering diterjemah sebagai hati .

Wa ‘Ilājuhā : Wa bererti dan. ‘Ilāj pula berasal daripada perkataan ‘älaja, yu‘äliju dan mu‘älajatan bererti rawatan ¹⁸Hā yang terdapat di akhir

¹⁷ Hadis riwayat Bukhārī, Ṣahīh Bukhārī, Kitab al-Imān, Bab (40) *Fadl man Istabra'a Lidīnihi*. J. 1, h.23.

¹⁸Jama’ah min Kubbar al-Lughawiyin al-‘Arab, Mu’jam al-‘Arabī al-Asāsī, h.858.

perkataan ‘ilāj ialah kata ganti nama yang merujuk kepada *akinnah al-qalb*. Oleh itu, maksud daripada perkataan *wa ‘ilājuhā* ialah dan rawatan kepada *akinnah al-qalb*.

Perkataan pembangunan berasal daripada perkataan bangun dan daripada perkataan bangun ini timbul perkataan pembangunan yang bermaksud perihal membangun, proses membangun (mencapai kemajuan, perkembangan maksud kedua dari perkataan pembangunan adalah usaha atau kegiatan membangunkan (memajukan dan mengembangkan).¹⁹

Manakala perkataan pembangunan dalam Bahasa Inggeris ialah *Development* yang berasal daripada perkataan *Develop*, “The gradual growth of something so that it becomes more advanced, stronger, etc. Ia juga bermaksud “The Process of producing or creating something new or more advanced product”.²⁰

Dalam bahasa Arab pula, perkataan pembangunan merujuk kepada istilah *tanmiyah*, *taṭawwur* ataupun *taḥsīn*.²¹ Mengikut *al-Mu‘jam al-‘Arabiyy al-Asāsiyy* perkataan *tanmiyah* berasal daripada perkataan *namā’* yang bermaksud tambahan, pertumbuhan ataupun kenaikan, daripada perkataan *namā’* ini muncullah perkataan *tanmiyah* yang membawa maksud peningkatan taraf sesuatu dan taraf yang lebih baik.²² Manakala perkataan *taṭawwur* pula berasal daripada perkataan *ṭawwara* dan *taṭawwur* memberi maksud perubahan atau perpindahan secara beransur-ansur dari

¹⁹ Kamus Dewan (2015) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, ed.Ke-4 (Harga Ekonomi) Cetakan Pertama, h.123, entri “bangun.”

²⁰ *Oxford Advanced Learner’s Dictionary* (2010) Oxford University Press, Eight Edition, h.415, entri “develop”.

²¹ *Al-Muṣṭalah Mu‘jam Injilīziy Arabiyy li al-Mufradāt al- ‘Ilmiyyah wa al-Fanniyyah* (1967) Bayrūt: Dār Bayrūt, ed. Ke-1, h. 19, entri “Development”.

²² Jama’ah min Kubbar al-Lughawiyyin al-‘Arab (1989) *al-Mu‘jam al-‘Arabiyy al- Asāsiyy*, Alescco: Larousse, ed. Ke-1, h.1234, entri “namā””.

satu tahap kepada satu tahap yang lain.²³ Manakala perkataan *tahsīn* mengikut *Mu'jam al-Sihāh* pula berasal daripada perkataan *hasana* bermaksud meruntuhkan yang buruk, merosakkan yang buruk, membatalkan yang buruk atau menghancurkan yang buruk. Daripada perkataan *hasana* ini muncullah perkataan *tahsīn* yang memberi maksud memperindah, mempercantik atau memperhiaskan lagi.²⁴

Kesemua perkataan di atas sama ada pembangunan, development, *tanmiyyah*, *taṭawwur* atau pun *tahsīn* merupakan perkataan-perkataan yang berbeza tetapi mempunyai persamaan maksud iaitu kesemuanya berkongsi maksud perubahan. Justeru boleh disimpulkan bahawa pembangunan sebagai satu proses tindakan yang merubah dan perubahan tersebut bermula dari suatu keadaan tertentu kepada suatu keadaan yang lain.²⁵

Modal pula bermaksud wang atau harta benda yang dipergunakan sebagai pangkal atau pokok untuk bermula (menghasilkan sesuatu yang menambah kekayaan dan lain-lain).²⁶ Modal pula dalam Bahasa Inggeris ialah *Capital*, “A large amount of money that is invested or is used to start business”.²⁷ Manakala modal dalam Bahasa Arab menurut *al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asāsiyy* dari segi bahasa ialah رأس المال yang bermaksud asal sesuatu harta iaitu tanpa penambahan dan pengurangan. Dalam konteks kajian ini, perkataan رأس المال البشري seperti yang

²³ *Mu'jam al-Nafāis al-Kabīr* (2007) Bayrūt: Dār al-Nafā'is, ed. Ke-1, h.1174, entri “ṭawara.”

²⁴ *Mu'jam al-Sihāh Qāmūs 'Arabiyy- 'Arabiyy* (2007) Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, ed. Ke-1, h.235, entri “hasana.”

²⁵ Muhammad Hilmi Jalil (2013), *Pembangunan Insan Dalam Karya Hamka: Satu Analisis*. Tesis PhD, Universiti Malaya Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, h.30, 31.

²⁶ Kamus Dewan(2015) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, ed.Ke-4 (Harga Ekonomi) Cetakan Pertama,.hlm 1038, entri “modal”.

²⁷ Oxford Advanced Learner's Dictionary (2010) Oxford University Press, Eight Edition, h.216, entri capital.

terdapat dalam kamus ini adalah lebih bertepatan kerana ianya bermaksud sumber tenaga manusia.²⁸

Manakala insan bermaksud makhluk yang dicipta oleh Allah S.W.T yang tidak terlepas daripada kealpaan iaitu manusia.²⁹ Manakala insan dalam Bahasa Inggeris ialah *Human*, “ A person rather than an animal or machine”.³⁰ Dalam Bahasa Arab pula insan menurut Ibn. Manzūr, *Anasun* sama erti dengan *al-Insān* iaitu merujuk kepada keturunan Nabi Adam a.s sebagai manusia pertama yang juga nabi dan rasul terawal dalam Islam.³¹ Manakala *insān* bererti *basyar* iaitu manusia.³²

Gabungan daripada kedua-dua perkataan modal dan insan ini menjadi modal insan. Modal insan dalam bahasa Malaysia ialah satu himpunan keupayaan dalaman, ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dan dibangunkan oleh seseorang individu sepanjang hayatnya. Ia merupakan gabungan beberapa aspek dalam diri individu bermula daripada bakat, potensi, intelek dan kemahiran fizikal yang kemudiannya dibangunkan untuk manfaat sesebuah organisasi³³ yang diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris sebagai *Human Capital*. Oleh itu menurut Gary S. Becker, modal insan merupakan pengukuran nilai ekonomi bagi set kemahiran seorang pekerja. Ia berkaitan dengan pengetahuan, maklumat, idea-idea, kemahiran dan tahap

²⁸ Jamā‘ah Min Kubbār al-Lughawiyyīn al-‘Arab, *Al-Mu‘jam al-‘Arabī al-Asāsī*, h.493.

²⁹ Kamus Dewan(2015) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, ed.Ke-4 (Harga Ekonomi) Cetakan Pertama, hlm 580, entri “insan”.

³⁰Oxford Advanced Learner’s Dictionary (2010) Oxford University Press, Eight Edition, h.760, entri human.

³¹ Ibn. Manzūr (1988) *Lisān al-‘Arab al-Muhiṭ*, J. 1, juzū’ 1, Beirut: Dār Lisān al-‘Arab, h.112.

³² Jama’ah min Kubbar al-Lughawiyyin al-‘Arab, Mu’jam al-‘Arabī al-Asāsī. h.156, 157.

³³ Mohd Shafiee Hamzah (2012) Konsep Perekayasaan Modal Insan menurut Sayyid Qutb: Analisis Terhadap Fī Zilāl Al-Qur’ān, h viii, Lihat juga dalam M. Laroche et, al (1999), On The Concept Of Dimensions Of Human Capital In Knowledge, Canadian Public Policy, Vol XXV No.1. 1999, h.87

kesihatan yang dimiliki oleh seseorang individu dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.³⁴

Manakala M. Loreche dan M. Merette menjelaskan bahawa modal insan ialah perkara yang berkaitan dengan himpunan perlaburan dalam aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan nilai produktiviti pekerja dalam pasaran buruh seperti pendidikan, kesihatan, latihan dalam kerja dan penghijrahan tenaga kerja. Ia merupakan satu himpunan keupayaan dalaman, ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh dan dibangunkan oleh seseorang individu sepanjang hayatnya.³⁵

Al-Attas pula menyatakan perubahan, perkembangan dan pembangunan adalah merujuk kepada diri, iaitu usaha pemulihan kepada kemurniaan ajaran agama yang tulen oleh individu dan masyarakat. Pembangunan juga merupakan daya usaha yang memulihkan masyarakat Islam daripada kesesatan, kekeliruan, kejahilan serta kezaliman diri kepada Islam yang sejati serta asli.³⁶ Sejajar dengan itu, pembangunan modal insan menurut perspektif Islam adalah pembangunan yang melihat insan sebagai watak yang terpenting dalam sesbuah pembangunan dan ia dibangunkan dalam diri dan luar diri insan.³⁷ Oleh itu, pembangunan modal insan dalam Islam

³⁴ Mohd Shafie Hamzah (2012) *Konsep Perekasyaan Modal Insan Menurut Sayyid Qutb: Analisis Terhadap Fizikal Al-Quran*. Tesis PhD, Universiti Malaya : Akademi Pengajian Islam Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, h.3. Lihat juga Gary S. Becker (1994) *Human Capital: A Theoretical And Empirical Analysis With Special Reference To Education*. United States Of America: The University Of Chicago Press, h.16.

³⁵ Ibid., h. 4. Lihat juga M. Laroche et al. (1999), *On The Concept Of Dimensions Of Human Capital In Knowlwdge-Based Economy Context*, Vol XXV, No.1. Canadian Public Policy, h.87

³⁶ Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (2001) *Risalah Untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: ISTAC, h. 88. Lihat Mohd Fauzi Hamat, Mohd Khairul Naim Che Nordin (2012) *Akidah Dan Pembangunan Modal Insan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 57.

³⁷ Ibid, h. 80.

menekankan pembangunan yang menyeluruh dan bersepada meliputi rohani dan jasmani.

Secara ringkasnya, pengertian tajuk tesis ini adalah mengenai pembangunan insan atau manusia yang merupakan modal yang utama bagi memajukan sebuah negara dan tamadun amnya. Dari kacamata Islam, *qalb* adalah komponen yang terpenting dalam usaha untuk merealisasikan pembangunan tersebut. Namun begitu, proses pembangunan manusia ini perlu juga melihat kepada perkara-perkara yang menghalang *qalb* daripada dibangunkan dan konsep rawatannya. Konsep halangan *qalb* dan rawatannya berdasarkan ayat-ayat al-Quran ialah *akinnah al-qalb wa 'ilājuhā* yang diperincikan oleh pengkaji dalam tesis ini. Seterusnya melalui penelitian terhadap konsep ini, pengkaji membina rangka konsep *akinnah al-qalb wa 'ilājuhā* daripada ayat-ayat al-Quran bagi menjadi rujukan untuk membangunkan modal insan samada dalam program pembangunan insan yang bersifat khusus atau rangka konsep ini boleh digeneralisasikan penggunaanya dalam program pembangunan insan yang bersifat umum di Malaysia.

1.6 Sorotan Kajian Terdahulu

Berdasarkan sorotan kajian terdahulu, terdapat penulisan-penulisan yang membincangkan tajuk pembangunan modal insan dari pelbagai aspek.

Antara kajian berkaitan pembangunan modal insan yang dihasil sebelum oleh Sohana Hussin, Mohd Shafiee Bin Hamzah, Zainudin Hassan, Zainudin Hashim, Muhammad Ali Hanafiah Norasid, Wan Ainal Yaqin Wan Zulkifli, Nor Najihah Mohd Nor, Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Khairul Naim Che Nordin, Azhar Hj Wahid, Zafir Khan dan Mohad Nazmy Abd. Latif dan Siti Nur Aafifah Hashim.

Tema pembangunan modal insan telah dibuat kajian oleh Shohana binti Hussin dalam tesis doktor falsafah di Universiti Malaya yang bertajuk “*Pemikiran Pembangunan Modal Insan Dalam Kitab Hidayatul Salikin : Kajian Teks dan Kontekstual*”.³⁸ Melalui kajian ini beliau telah memperjelaskan konsep pembangunan diri terdiri daripada enam perkara yang menjadi fokus dalam membangunkan modal insan. Perkara tersebut ialah pembangunan ilmu, akidah, ibadah, anggota tujuh, rohani dan akhlak serta pembangunan adab sosial. Kajian ini menarik kerana memberikan pendekatan Islam dalam membangunkan modal insan hasil daripada penghuraian Kitab Hidayatul Salikin yang terkenal di Alam Melayu. Namun begitu, kajian ini berbeza kerana pengkaji akan membuat penghuraian konsep *akinnah al-qalb wa ‘ilājuhā* yang terdapat dalam al-Quran menerusi ayat-ayat yang memperjelaskan halangan-halangan dan rawatan kepada pembangunan modal insan itu.

Mohd Shafie Bin Hamzah melalui penulisan tesis doktor falsafahnya yang bertajuk “*Konsep Perekayasaan Modal Insan Menurut Sayyid Qutb : Analisis Terhadap Fi Zilal Al-Quran*”.³⁹ Kajian beliau telah menganalisis konsep perekayasaan modal insan daripada perspektif Sayyid Qutb berdasarkan *Tafsīr Fi Zilāl Al-Qur’ān*. Analisis beliau terhadap teks ini, menemukan kepada konsep perekayasaan modal insan merangkumi tiga komponen yang penting yang menjadi landasan kepada konsep tersebut iaitu potensi modal insan, mekanisme

³⁸ Shohana Binti Hussin (2010) *Pemikiran Pembangunan Modal Insan Dalam Kitab Hidayah Al-Salikin : Kajian Teks Dan Kontekstual*. Universiti Malaya : Akademi Pengajian Islam Program Pengajian Islam.

³⁹ Mohd Shafie Bin Hamzah (2012) *Konsep Perekayasaan Modal Insan Menurut Sayyid Qutb : Analisis Terhadap Fi Zilal Al-Quran*. Tesis Phd. Universiti Malaya : Akademi Pengajian Islam Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith.

perekayasaan modal insan dan elemen perekayasaan modal insan. Kajian ini memperjelaskan perekayasaan modal insan berdasarkan ayat-ayat al-Quran yang ditafsirkan oleh Sayyid Qutb dalam *Tafsīr Fi Zilal Al-Quran*. Bezanya pengkaji akan membicarakan konsep *akinnah al-qalb wa 'ilājuhā* dalam pembangunan modal insan berdasarkan ayat-ayat al-Quran yang ditafsirkan oleh pelbagai ulama tafsir yang muktabar.

Zainudin Hassan pula melalui tesis Doktor Falsafahnya yang bertajuk “*Perubahan Sosial Dan Pembangunan Modal Insan Berkualiti Dalam Kalangan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam*”⁴⁰ menekankan keperluan negara Malaysia kepada Modal Insan berkualiti yang dapat menyumbang kepada pembangunan. Kajian yang telah dilakukan oleh beliau bertujuan untuk menyelidik perubahan sosial yang dialami oleh para mahasiswa semasa menuntut di universiti daripada aspek pendidikan formal, tidak formal dan informal. Hasil kajian menunjukkan bahawa pembangunan modal insan yang berkualiti oleh universiti adalah selari dengan pendidikan yang diperoleh oleh mahasiswa. Berasaskan kajian, beliau mencadangkan ciri-ciri ilmu pengetahuan dan ciri-ciri peribadi perlu dipertingkatkan melalui pendidikan formal, tidak formal dan informal. Cadangan yang dikemukakan oleh beliau ini, memperlihatkan persamaan kajian yang dibuat oleh pengkaji bahawa ciri-ciri peribadi seseorang individu mahasiswa perlu dipertingkatkan dalam usaha untuk menyumbang kepada pembangunan modal insan yang berkualiti.

⁴⁰ Zainudin Hassan (2012) *Perubahan Sosial Dan Pembangunan Modal Insan Berkualiti Dalam Kalangan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Tesis PhD. UTM : Fakulti Pendidikan.

Zainudin Hashim dalam tesis PhD yang bertajuk “*Pendekatan Pembangunan Insan Menurut Hasan al-Banna (m. 1949) Menerusi Kitab Majmu‘ah al-Rasail*”⁴¹ menyatakan objektif utama kajian ini adalah meneliti serta menganalisis aspek pembangunan insan menurut ajaran Islam. Oleh itu, analisis yang menjadi sandaran penulis ialah menerusi hasil penulisan Hasan al-Banna, tokoh pembangunan insan abad ke sembilan belas. Kitab *Majmū‘ah al-Rasāil* mengandungi unsur dan aspek pembangunan insan. Kajian turut dibuat mengenai pendekatan Hasan al-Banna dalam pembangunan insan mengenai *wasāil tarbiyah* seperti *nizam usrah, katibah, rehlah, muktamar, daurah, jawwālah, kayyāfah* dan lain-lainnya. Kajian ini telah menggunakan sepuluh unsur pembangunan insan iaitu sihat tubuh badan, berakhlek mulia, berilmu tinggi, berdikari, memiliki aqidah yang sahih, melaksanakan ibadah dengan betul, dapat mengawal diri, bijak mengurus waktu, berdisiplin melakukan urusan dan mampu memberikan manfaat kepada orang lain. Kesemua sepuluh unsur ini berdasarkan ayat al-Quran, hadith Rasulullah S.A.W, pandangan Imam al-Ghazālī, Ibn Qaiyim al-Jawziyyah dan Syeikh Muhammad ‘Abduh. Dapatan kajian mendapati sepuluh unsur pembangunan insan ini menjadi tumpuan utama dalam penulisan Hasan al-Banna. Penulisan ini memperjelaskan pembangunan modal insan dalam Islam menurut huraian yang telah dibuat oleh Hasan al-Banna manakala pengkaji dalam tesis ini pula membawakan pandangan Ibn Miskawaiyh dan Imam al-Ghazālī mengenai konsep-konsep asas pembangunan modal insan dalam Islam.

⁴¹ Zainudin Hashim (2018) *Pendekatan Pembangunan Insan Menurut Hasan al-Banna (m. 1949) Menerusi Kitab Majmu‘ah al-Rasail*, Tesis PhD Universiti Malaya Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam.

Tambahan lagi kajian ini akan memberi fokus kepada aspek *akinnah al-qalb wa 'ilājuhā* dengan merujuk kepada pelbagai tafsiran tema-temanya.

Pembangunan modal insan menurut al-Quran turut dibuat kajian oleh Muhammad Ali Hanafiah Norasid dalam tesis PhD yang bertajuk “*Konsep Modal Insan Rabbani Menurut Al-Quran: Analisis Pemikiran Sa'id Hawwa dalam Al-Asas fi al-Tafsir*”⁴². Tesis ini membincangkan konsep modal insan rabbani menurut al-Quran serta menganalisis pemikiran modal insan rabbani Sa‘īd Hawwā dalam karya *al-Asās fi al-Tafsīr*. Menurut perspektif al-Quran, komponen modal insan yang terdiri daripada unsur fitrah, ‘*aql*, *qalb*, *rūh* dan *nafs* diperjelaskan. Definisi rabbani perspektif al-Quran pula diteliti secara analisis tematik bagi memperlihatkan konsep modal insan rabbani adalah ukuran nilai yang merealisasikan pembangunan insan secara holistik. Oleh itu, kajian ini memilih Sa‘īd Hawwā sebagai subjek penyelidikan kerana beliau adalah tokoh murabbi ummah yang sarat menyalurkan idea-idea pembangunan modal insan rabbani secara kritis dalam karya-karya beliau. Hasil analisis mendapati tiga komponen teras pembangunan sewajarnya dibangunkan bagi melahirkan insan rabbani iaitu penerapan keilmuan rabbani, pengukuhan tarbiah rabbani dan pembangunan dakwah rabbani. Ketiga-tiga komponen insan rabbani adalah hasil gagasan Sa‘īd Hawwā yang distrukturkan berdasarkan nas-nas al-Quran yang mengandungi kalimah “rabbani”. Penulisan ini mempunyai persamaan dengan kajian pengkaji dalam mengupas komponen dalaman insan yang penting dalam membangunkan insan. Komponen dalaman itu ialah ‘*aql*, *qalb*, *rūh* dan *nafs*.

⁴² Muhammad Ali Hanafiah Norasid (2016) *Konsep Modal Insan Rabbani Menurut Al-Quran: Analisis Pemikiran Sa'id Hawwa dalam Al-Asas fi al-Tafsir*, Tesis PhD, Universiti Malaya Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam

Bezanya, dalam kajian ini akan memberi fokus kepada halangan pada *qalb* insan berdasarkan ayat-ayat al-Quran terpilih dan dianalisis secara tematik.

Wan Ainal Yaqin pula telah membuat kajian tentang pengetahuan belia tentang konsep dan aktiviti yang dikaitkan dengan modal insan menerusi disertasi sarjananya yang bertajuk “*Pengetahuan Belia Tentang Konsep dan Aktiviti yang dikaitkan dengan Modal Insan*”.⁴³ Objektif kajian ialah mengkaji samada belia mengetahui atau tidak mengetahui tentang modal insan. Selain itu, objektif kajiannya juga adalah untuk mengkaji faktor-faktor yang mendorong belia mengetahui dan faktor-faktor yang menghalang belia daripada mengetahui tentang modal insan. Dapatan kajian menunjukkan responden mempunyai pengetahuan tentang modal insan. Faktor atau sumber utama kebanyakkan responden mengetahui tentang modal insan ialah melalui telivisyen, suratkhabar, rakan-rakan, radio, proses pembelajaran, ceramah atau perjumpaan, internet, papan tanda dan melalui pemaju masyarakat. Manakala faktor yang menghalang responden daripada mengetahui tentang modal insan adalah kerana tiada pendedahan tentang konsep modal insan, tiada sikap ingin tahu daripada responden itu sendiri, responden tidak mengikuti perkembangan semasa dan responden tidak memahami maksud modal insan tersebut. Kajian ini didapati hanya mengkaji pengetahuan responden berkaitan konsep modal insan dan faktor-faktor yang menghalang daripada mengetahui tentang konsep ini. Berbeza dengan kajian pengkaji yang membicarakan konsep modal insan dan faktor-faktor dalaman individu yang menghalang daripada dibangunkan berdasarkan al-Quran.

⁴³ Wan Ainal Yaqin Wan Zulkifli (2008) *Pengetahuan Belia tentang Konsep dan aktiviti yang dikaitkan dengan Modal Insan*, Master Sains Fakulti Ekologi Kemanusiaan Universiti Putra Malaysia.

Nornajihah Mohd Nor turut membincangkan tema pembangunan modal insan melalui disertasi sarjananya yang bertajuk “*Perceptions on the role of Education and Religion in Human Capital Development: A Case-Study Among the Sociology and Anthropology students, International Islamic University Malaysia*”.⁴⁴ Kajian ini memfokuskan kepada persepsi responden berkaitan peranan pendidikan dan agama dalam pembangunan modal insan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa agama Islam memainkan peranan yang penting dalam pembangunan modal insan kerana ianya adalah satu cara hidup.

Terdapat penulisan artikel yang bertajuk “*Tinjauan Kepentingan Modal Insan Di Malaysia*”⁴⁵ yang ditulis oleh Mohd Fauzi Hamat dan Mohamad Khairul Che Nordin. Penulisan mereka ini berkisar tentang konsep umum pembangunan modal insan, kepentingan pembangunan modal insan yang seimbang berteraskan pembangunan Islam dan keperluan model ini dalam aspek pembangunan negara pada hari ini. Justeru, manusia sebagai pembangun itu perlu dibangunkan terlebih dahulu sebelum membangunkan aspek-aspek lahiriah.⁴⁶ Dalam Bajet 2010, aspek pembangunan modal insan diletakkan di bawah strategi kedua iaitu memastikan pembangunan mapan dan holistik. Bajet ini merupakan bajet terakhir untuk tempoh rancangan Malaysia kesembilan dan menjadi asas pembentukan model ekonomi

⁴⁴ Nornajihah Mohd. Nor (2011) *Perceptions on the role of Education and Religion in Human Capital Development : A Case-Study Among the Sociology and Anthropology students, International Islamic University Malaysia*, Master of Human Sciences (Sociology and Anthropology) Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human sciences: IIUM.

⁴⁵ Mohd Fauzi Bin Hamat dan Mohd Khairul Naim Bin Che Nordin (2012) *Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan Di Malaysia*. Jurnal Al-Tamaddun Bil. 7(1), 75-89. Universiti Malaya.

⁴⁶ Ibid.81

baru dan pembuka tirai untuk rancangan Malaysia kesepuluh (RMK-10).⁴⁷

Walaupun pelbagai strategi telah dibentuk oleh Kerajaan Malaysia untuk membangunkan modal insan, penulisan ini menyatakan terdapat beberapa kekurangan yang perlu diperbaiki seperti tiada strategi khusus yang menekankan pembinaan rohani dan spiritual dengan menjadikan pendidikan rabbani berteraskan akidah Islam atau paradigm tauhid sebagai landasan.⁴⁸ Oleh itu kajian ini boleh menampung kekurangan ini kerana ia menepati strategi pembinaan rohani atau spiritual berlandaskan al-Quran.

Azhar Hj Wahid dalam penulisan artikel jurnalnya yang bertajuk “*Pembangunan Teras Modal Insan Dalam Adat Budaya Melayu*”⁴⁹ menjelaskan pembangunan modal insan yang menjadi teras kearah melahirkan insan berkualiti dalam adat budaya Melayu perlulah selari dengan ajaran Islam yang sangat menitikberatkan aspek kualiti dalam kehidupan bermasyarakat. Oleh itu, pembangunan masyarakat ini perlulah berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Hasilnya tiga asas iaitu akidah, syariah dan akhlak menjadi satu gagasan yang tersusun bagi pembentukan budaya Melayu yang kuat, mantap, berguna dan terbaik. Penulisan artikel ini menjelaskan kepentingan memastikan adat budaya Melayu selari dengan ajaran Islam yang berteras al-Quran dan al-Sunnah. Penulisan ini mempunyai persamaan dengan kajian tesis ini yang menekankan pembangunan insan perlu berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Perbezaannya, pengkaji

⁴⁷Ibid.85, Lihat juga Mohd Najib Tun Abdul Razak, *Ucapan Bajet Tahun 2010*, <http://bajet.treasury.gov.my/>, h.2.

⁴⁹ Azhar Hj Wahid (2017) *Pembangunan Teras Modal Insan Dalam Adat Budaya Melayu*, Jurnal Peradaban Melayu, Jilid 12, ISSN 1675-4271(11-17). Universiti Pendidikan Sultan Idris.